

PENGARUH DAN PENERIMAAN MASYARAKAT TEMPATAN

MENGENAI REKACORAK CETAKAN

BERUNSURKAN TRADISIONAL

Oleh

Danuri bin Saki jan

Jabatan Tekstil
Kajian Senilukis Dan Senireka
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor

ISI KANDUNGAN

Sepatah kata
Penghargaan

BAB I : Sejarah rekacorak cetakan I - 6

BAB 2 : Jenis-jenis teknik dan proses bagi
menghasilkan rekacorak cetakan 7 - 23

BAB 3 : Rekacorak cetakan masakini 24 - 41

BAB 4 : Perkembangan dan pengaruh rekacorak
cetakan di negara kita 42 - 56

BAB 5 : Rekacorak yang beridentitikan
tempatan 57 - 83

BAB 6 : Penutup 84 - 88

Bahan rujukan 89 - 90

BAB I.

SEJARAH REKACORAK CETAKAN.

Sejak dari dahulu kala lagi, permulaan sejarah, manusia telah mulai menghiasi apa sahaja yang di fikirkan perlu. Ujudnya rekacorak ini samalah usianya dengan kehidupan manusia itu sendiri.

Adalah agak sukar sekali untuk mengesan permulaan cetakan di negara kita, malah di Eropah sendiri. Namun begitu cetakan "letter press" daripada blok kayu dari negara Cina dipercayai adalah yang terawal sekali iaitu lebih kurang 2000 tahun yang lalu. Di Eropah, permulaan cetakan dipercayai bermula disekitar abad pertengahan dimana Jerman merupakan negara yang pertama menggunakan cetakan blok.

Diakhir pertengahan abad ke I8, gangsa dan tembaga telah digunakan bersama-sama dengan blok kayu. Manakala diabad yang ke I9, blok garisan yang lebih ter-

perinci telah digunakan. Blok ini diperbuat dari besi, gangsa dan tembaga, dipakukan pada kayu dan lebih dikenali sebagai "coppered blocks".

Oleh kerana proses mencetak ini merupakan kerjatangan, semestinya ia tidak terlalu berat dan besar. Saiz yang digunakan biasanya tidak lebih 18 x 18 x 2 $\frac{1}{2}$ inci, manakala beratnya pula tidak melebihi 10 paun.

Cetakan Stenciling.

Proses ini merupakan proses yang amat tua. Meskipun begitu ianya masih lagi digunakan sehingga dewasa ini sebagai menghiasi fabrik. Corak yang dikehendaki dilukiskan dahulu dan kemudian ditekapkan pada bahan stensil. Tempat yang hendak diwarnakan dipotong. Warna yang berbeza dipotong mengikut stensil yang berbeza. Pencelup kemudian disapu pada tempat yang dipotong.

Melihat dari sejarah awalnya, corak dan warna yang dikehendaki pada kain didapati hasil dari pemotongan kulit kambing, kertas atau logam stensil. Corak-corak stensil yang terkenal dahulu antaranya ialah yang dihasilkan oleh orang-orang Jepun. Hasil stensil mereka merupakan "masterpieces", juga menjadi panduan untuk lukisan resis.

Di Amerika pula amat sukar untuk membezakan teknik stensil dengan teknik blok kayu. Antara beberapa contoh yang menarik masih lagi disimpan di muzium dan pengumpulan sejarah di negara tersebut. Kebanyakan corak mereka halus yang dipanggil "the orem printing"^I adalah bermutu tinggi.

Cetakan "Copper Plate".

Cetakan secara copper plate bermula lebih kurang dalam tahun 1750an. Oleh Nixon dan berakhir sehingga lebih kurang 1830. Di dalam proses ini warna akan melekat pada kain melalui proses tekanan.

Cetakan copper plate yang awal di atas fabrik adalah "R' Jones" 1761 Old Ford¹, dan satu lagi ialah "Collin's Woolmer". Cara ini didapati telah digunakan secara industri di Ireland pada tahun 1719.

Nixon dianggap pencetak yang mula-mula berjaya menghasilkan "Fast colour's" di atas kain dengan menggunakan teknik copper plate.

Sebuah "press" kemudian dibuat di England dipanggil "rolling press"² atau "star wheel". Ia mempunyai 2 roller yang besar digunakan untuk memerah atau menekan kain yang bertentangan dengan ukiran kepingan logam.

Dalam tahun 1752, di Ireland warna pertama "fast dye" dan "paste-printing" digunakan untuk mencetak kain ela. Berkewibawaan dari inilah bermulanya cetakan copper plate.

Dalam tahun 1803 di Scotland, Robert Kirk-Wood telah mencipta suatu press yang lebih baik dan terbahagi kepada dua bahagian, "D roller" dan "Ratchet"³. Ia dapat memperbaiki cetakan cara teknik tersebut.

¹Joyce Storey. The Thame and Hudson Manual of Textile Printing. (London - Thames and Hudson Ltd, 1978). Mukasurat 61.

²Ibid. H. Petit, mukasurat 29.

³Ibid. H. Petit, mukasurat 38.